

Uchapan Mengenai Rang Undang2
Tempat Tinggal Beramai2.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya menhadangkan bahawa Rang Undang2 "Group Settlement Areas Bill 1960" di-bacha bagi kali yang ka-dua.

Pada Meshuarat belanjauan yang lalu bagi dewan ini saya telah menerangkan bahawa Kerajaan menhadang hendak membentangkan satu Rang Undang2 dengan tujuan hendak menyegera dan melekaskan lagi Rancangan Kemajuan Tanah Di-luar Bandar. Saperti Ahli2 Yang Berhormat mengtahui Kerajaan telah memberi keutamaan yang tinggi sekali kepada rancangan Kemajuan Tanah se"bagai suatu langkah yang mustahak sekali "bagi membaiki keadaan hidup ra'ayat jelata di-luar "bandar. Rang Undang2 itu-lah mempunyai tujuan yang tersebut dan juga menhadangkan pindaan2 peraturan Pejabat Tanah bagi membaiki perjalanan-nya itu.

Akan tetapi Sebelum saya menerangkan butir2 di-dalam Rang Undang2 ini saya suka menegaskan iaitu Rang Undang2 ini di-bentangkan di-Dewan ini di-bawah Pasai 76(4) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, dengan tujuan hendak menyama dan menyatukan Undang2 dan dasar berkenaan dengan membuka tanah dengan berkumpul dan mengeluarkan Gran Tanah di-dalam kawasan2 yang di-namakan "Group Settlement" itu. Undang2 ini apabila di-persetujukan boleh-lah di-pakai di-pakai di-semua2 Negeri melainkan Pulau Pinang dan Malaka dengan tidak payah di-adakan Undang2 yang lain. Akan tetapi mustahak-lah

yang kedua-nya, tanah2 yang ada sekarang ini yang kurang luas-nya untuk menchukopi kahendak sesuatu family hendak-lah di-tambah supaya chukop luas-nya.

Menurut nasehat dan pandangan yang di-dapati bahawa luas tanah yang boleh menchukopi bagi satu kelamin atau family di-Tanah Melayu ini untuk mempunyai taraf hidup yang sempurna ia-lah lebeh kurang 8 ekar. Daripada tanah yang luas 8 ekar ini 6 ekar hendak di-tanami dengan barang2 yang boleh mendatangkan hasil yang tertentu saperti getah dan yang 2 ekar lagi di-tanami dengan pokok2 yang lain saperti buah2an, sayur2an dan sebagai-nya untuk penggunaan orang2 itu. Di-mana2 yang boleh hendak-lah di-adakan 2 ekar lagi untuk pertanaman padi akan tetapi di-kebanyakan tempat oleh sebab kekurangan tanah tentu-lah tidak dapat di-sediakan kawasan2 yang terlalu luas.

Dasar bagi memberi tanah kepada sa-saorangan itu untuk menchukopi kahendak-nya bagi menchari nafkah bukan-lah sesuatu dasar yang baharu dan Lembaga Kemajuan Tanah telah menjalankan dasar ini dengan kejayaan yang besar akan tetapi dasar ini belum-lah tertulis di-dalam Undang2 Tanah yang ada sekarang ini dan tidak ada satu pun Undang2 yang boleh memaksakan kemajuan yang saperti ini di-jalankan. Oleh itu bagi Rang Undang2 ini di-adakan dengan tujuan yang saperti itu. Di-bawah Undang2 ini tanah yang untuk di-berikan itu yang di-fikirkan menchukopi bagi sa-saorang menchari nafkah, hendak-lah sama luas-nya, kemudian hendak-lah di-sukat sabelum tanah itu di-beri kepada penduduk2. Sukatan itu di-jalankan dalam satu kawasan yang besar jika ada tanah yang boleh di-dapati. Tujuan ranchangan

tiap2 Negeri ini mengistiharkan kawasan2 yang tertentu menurut kahendak Undang2 ini sabelum Undang2 itu berjalan kuat kuasa-nya.

Sekarang saya suka-lah menerangkan tujuan2 mengadakan Rang Undang. Sunggoh pun telah kerap kali di-sebut baik di-dalam atau pun di-luar Negeri ini bahawa kita di-Tanah Melayu ini mempunyai taraf hidup yang tinggi sekali di-seluroh benua Asia akan tetapi mustahak-iah kita ingat bahawa penduduk2 di-luar bandar tidak menerima atau pun mempunyai kekayaan dan kesenangan yang sama dengan penduduk2 di-bandar. Perkara yang demikian ia-lah di-sebabkan oleh dasar penjajahan yang dahulu dan juga di-sebabkan orang2 di-luar bandar, ini biasa berlaku di-mana2 Negeri pun, tidak begitu suka hendak menukar chara hidup dengan segera menurut aliran masa dan juga menerima perubahan2 baharu. Oleh yang demikian itu-lah menyebabkan tanah2 yang ada itu tidak di-jayakan dengan sempurna-nya dan juga ada setengah2 tempat sangat ramai orang yang dudok dalam satu keping tanah, yang tidak boleh menchukupi bagi mereka menchari nafkah yang sempurna. Tambahan pula di-negeri kita ini bilangan anak negeri bertambah dengan banyak-nya dari satu tahun ka-satu tahun. Oleh itu bagi mengatasi soalan tanah ini dan bagi membaiki keadaan di-kampong2 Kerajaan telah mengadakan dasar yang baharu. Dasar yang baharu ini ia-lah berma'ana ia-itu tanah2 yang akan di-beri kepada penduduk2 di-luar bandar hendak-lah chukop luas-nya bagi mereka untok menchari nafkah dan tanah itu tidak-lah boleh di-bagi2 kurang daripada luas yang di-tentukan itu. Dan

ini ia-lah hendak memberi peluang kepada orang yang tidak ada mempunyai tanah, yang mempunyai tanah tetapi tidak memchukopi untok pencharian hidup-nya dan yang mempunyai tanah. Oleh itu chadangan ini di-adakan 2 bahagian ranchangan kemajuan tanah. Satu kerana mereka2 yang tiada mempunyai tanah, chadangan ia-lah kawasan daripada 3 atau 4 ribu ekar di-sediakan dan di-adakan kampong yang tertentu dalam kawasan itu. Kawasan yang semacham itu boleh-lah menempatkan lebeh kurang 4 ratus atau 5 ratus family, yang mempunyai tanah 8 ekar satu kelamin. Yang kedua kepada orang2 yang lain kawasan2 yang kechil sedikit berdekatan dengan kampong2 yang sedia hendak di-adakan bagi menambah tanah2 yang sedia di-kampong2 itu. Dalam kawasan2 ini tanah2 yang baharu di-adakan itu ia-lah luas-nya lebeh kurang 3 atau 4 ekar.

Ahli2 Yang Berhormat mengtahui bahawa tidak ada bedza di-antara dasar ranchangan ini dengan ranchangan yang di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah akan tetapi saya harap faham bahawa Lembaga Kemajuan Tanah menjalankan pekerjaan dengan wang pinjaman dan tentu-lah tidak dapat memenuhi kahendak semua orang yang berkehendakan tanah. Dan lagi Lembaga Kemajuan Tanah di-kehendaki menjalankan kemajuan di-tempat2 yang jauh dan kepada orang2 yang miskin yang tidak dapat untok memajukan tanah-nya dengan belanja sendiri. Kerajaan berpendapatan bahawa ada orang2 yang berkehendakan tanah yang boleh menjayakan tanah itu dengan perbelanjaan sendiri dan ranchangan yang baharu ini akan di-hak kepada mereka itu. Oleh itu tujuan Undang2 ini ia-lah supaya dapat di-adakan satu ranchangan membuka tanah yang senang segera dapat di-jalankan bagi mereka2 yang bertenaga yang tidak berkehendakan pertolongan

Kerajaan yang banyak. Dengan persetujuan dan pertolongan Kerajaan Negeri di-chadangkan bantuan yang akan di-beri kepada orang2 yang membuka tanah saperti ini ia-lah 3. Yang pertama ia-lah menanggungkan bayaran premium, survey dan bayaran2 yang lain sahingga tanah itu telah mengeluarkan hasil. Yang kedua-nya menebang dan menghasilkan tanah itu dengan belanjauan Kerajaan dan dengan mengadakan benih biji . dengan pertolongan yang lain. Yang ka-tiga di-adakan jalan raya di-tempat itu, di-adakan pipe ayer, lampu letrik dan juga kesenangan2 yang lain menurut ranchangan Kerajaan. Barangkali Ahli2 Yang Berhormat boleh faham dengan lebeh lanjut lagi jika saya bandingkan perkara ini dengan orang2 yang menjual barang2. Kerajaan hendak mengadakan perniagaan dalam hal tanah dan akan menjual tanah yang telah di-sukat dan di-terangkan dengan chara "hire purchase method", ia-itu di-benarkan barang2 dengan pembayaran beransur2. Ini berma'ana penduduk2 tidak di-kehendaki membayar dengan beransur2 dan dengan chara yang di-fikirkan patut apabila mereka telah mendapat hasil daripada tanah. Pada masa ini saya tidak dapat untuk menentukan lagi dengan jelas-nya dan bagaimana chara-nya wang atau bantuan itu akan di-bayar balek oleh sebab rakan saya Menteri Kewangan pada masa ini sedang menjalankan siasat di-atas perkara ini akan tetapi saya memberi akuan di-sini bahawa orang2 itu akan di-benarkan membayar balek seberapa sanggop dan boleh dan tidak akan menjadi susah kepada mereka itu. Pendek-nya di-bawah Undang2 ini boleh-lah di-adakan pembukaan tanah yang luaa bagi orang2 yang tidak ada tanah atau pun mempunyai tanah tetapi tak menchukopi bagi mata pencharian dan mereka itu akan mendapat bantuan sedikit sebanyak sahingga dapat menerima hasil

daripada tanah itu dan lain daripada itu mereka itu di-kehendaki membayar beransur2 bantuan mana yang patut. Sekarang saya suka terangkan satu persatu fasal2 di-dalam Rang Undang2 ini.

Fasal 7 menentukan ia-itu sa-suatu keping tanah yang hendak di-beri kepada orang2 itu hendaklah sama luas-nya dan menchukopi bagi pencharian orang itu. Pasal 14, 15 dan 16 di-kehendakan ia-itu satu keping tanah itu hendaklah di-punyai oleh satu orang sahaja dan tidak di-benarkan tanah itu di-bagi atau di-pechahkan dengan apa sebab-nya sekali pun. Pasal 17 menentukan pokok2 yang di-kehendaki di-tanam di-atas tanah itu dan juga berkehendakan satu tanah itu mustahak-lah di-jayakan sama sekali. Pasal 8, 13 dan 20 membenarkan bayaran2 yang di-tanggoh bagi sementara termasuklah bayaran2 berkenaan dengan membersihkan tanah itu. Akan tetapi mustnhak-lah perbelanjaan ini di-bayar balek dan juga perbelanjaan di-atas pertolongan2 yang lain dengan chara beransur-ansur pada tiap2 tahun. Fasal 19 menentukan bahawa sa-saorang itu tidak akan di-timbang bagi mendapatkan tanah dalam kawasan2 tersebut itu melainkan ia-itu tidak mempunyai tanah; ini berma'ana ia-itu mempunyai tanah kurang daripada 2 ekar, melainkan dengan ranchangan2 yang di-tentukan bagi menambah atau meluaskan kampong2 yang sedia.

Ahli2 Yang Berhormat tentu telah dapat menyemak bahawa Pasal 19 dalam Rang Undang2 ini menentukan ia-itu hanya-lah ra'ayat Persekutuan sahaja yang boleh di-terima menjadi penduduk2 di-dalam kawasan settlement ini. Pada fikiran saya saya tidak payah lagi memberi ulasan yang luas di-atas dasar ini kerana Kerajaan berpendapatan bahawa

tak patut-lah Kerajaan membelanjakan wang negeri kerana faedah orang2 yang bukan ra'ayat negeri ini.

Saya suka memberi keterangan yang lanjut sedikit berkenaan dengan Pasai 16 yang melarangkan tanah sa-saorang itu apabila mat! di-bagikan kepada waris2-nya menurut bahagian masing2.

Mustahak-lah waris2 orang itu mempersetujuan bahawa tanah itu hendak di-serahkan kepada satu orang dan waris2 yang lain hanya-lah mendapat harga bahagian-nya sahaja. Jikalau tidak ada persetujuan yang semacam itu Pemungut Khazanah Tanah berhak menjual tanah itu dan membagikan harga yang dapat itu. Saya suka menerangkan di-sini bahawa saya telah di-beri nasihat ia-itu peraturan yang semacam ini tidak-lah melanggar Undang2 Islam atau pun Adat Melayu, oleh sebab harta itu belum di-terima oleh orang itu dan ada mempunyai syarat dan syarat itu ada terkena pada tanah itu pada masa orang itu meninggal dunia. Oleh itu syarat2 yang tersebut itu tidak-lah melanggar Undang2 atau peraturan Ugama Islam.

Saya telah menerangkan tujuan saya yang pertama ia-itu hendak menunjukkan bagaimana Rang Undang2 ini akan menyenangkan kemajuan tanah di-jalankan. Sekarang saya suka menerangkan pula bagaimana chara-nya Rang Undang2 ini akan meminda peraturan Pejabat Tanah yang ada sekarang.

Saperti saya telah sebutkan dahulu bahawa Pejabat Tanah di-seluruh Tanah Melayu ini ada menerima permintaan2 tanah yang banyak yang tidak dapat di-sempurnakan. Ini ada-lah di-sebabkan oleh berbagai2 sebab terutama sekali di-sebabkan oleh Dharurat yang berada pada kita 12 tahun lama-nya

dan pada masa Dharurat itu terpaksa-lah tenaga Kerajaan dan pegawai2-nya di-tumpukan kepada Dharurat. Akan tetapi telah di-dapati bahawa peraturan2 memberi tanah yang ada sekarang ini ia-lah terlampau sukar dan mengambil masa yang lanjut. Oleh itu mustahak-lah di-pinda peraturan ini supaya dapat tanah2 itu di-beri dengan bersegera dan sempurna lagi. Sekarang saya suka terangkan bagaimana chara-nya peraturan itu hendak di-pinda menurut Rang Undang2.

(1) Peraturan bagi menyukat tanah sabelum di-bagikan tanah itu akan menyenangkan bagi memasukan penduduk2 di-tanah2 itu dan ta' payah lagi d-adakan permintaan "Requisition of survey" dan juga peraturan "final settlement" yang biasa di-perbuat itu.

(2) Dengan mengadakan tanah2 ini sama luas maka tak payah-lah lagi untok di-hitung tiap2 keping bayaran2 yang di-tentukan oleh Kerajaan, sebab bayaran bagi satu keping itu sama dengan bayaran satu keping yang lain. Oleh itu yang di-kehendaki ia-lah menentukan bayaran bagi satu keping sahaja.

(3) Chadangan untok mengadakan satu daftaran tanah bagi menggantikan daftaran "AA" yang ada itu dan juga peraturan yang baharu bagi menukar hak2 sa-orang hak2 sa-orang di-atas tanah itu menurut Pasai 2k akan menyenangkan pekerjaan tiap2 Pejabat Tanah.

(4) Tanah2 yang di-beri dalam bahagian 3 dan 4 dalam Undang2 ini dengan menentukan sharat2 dan tanggung jawab sa-saorang yang mempunyai

tanah itu menyenangkan juga Pejabat2 Tanah dan tak payah lagi Pejabat2 Tanah menghitung syarat2 tiap2 satu keping. Akhir-nya peraturan bagi mengambil balek tanah itu dengan sebab tidak menjalankan syarat2 yang di-perbuat dalam Rang Undang2 ini lebeh jauh senang-nya daripada peraturan2 yang ada sekarang ini. Oleh itu jika sa-suatu Negeri itu menggunakan Rang Undang2 ini maka kesenangan2 yang saya sebutkan itu dapat-lah di-terima oleh Negeri2 itu. Kerajaan sabuah Negeri hanya-lah di-kehendaki mengistiharkan satu kawasan itu sebagai "designated Area" atau "Group settlement". Apabila di-perbuat begitu maka Pasal2 dalam Rang Undang2 ini akan di-kenakan bagi tempat2 yang semacham ini dan jikalau ada perselisihan di-antara Undang2 ini dengan Undang2 tanah yang sedia ada maka peraturan Undang2 ini-lah di-pakai.

Saperti saya telah terangkan tujuan Rang Undang2 ini ia-lah supaya mengadakan satu peraturan yang senang bagi melekaskan ranchangan membuka tanah. Saperti telah saya sebutkan Pejabat2 Tanah di-seluruh Tanah Melayu ada menerima permintaan2 tanah yang sangat banyak dan orang2 yang berkehendakan tanah pun banyak. Oleh itu mustahak-lah di-adakan satu peraturan yang baharu yang menyenangkan Pejabat2 Tanah itu memberi tanah kepada orang ramai dan dengan itu dapat-lah kemajuan tanah itu berjalan dengan lebeh chepat dan lebeh sempurna supaya dapat memuaskan hati orang2 yang berkahendakan tanah. Dengan yang demikian dapat-lah kita memberi pekerjaan dan taraf hidup yang lebeh sempurna kepada penduduk2 di-luar

bandar. Saya yakin dan perchaya dengan sebab mustahak-nya Rang Undang2 ini dan dengan sebab dasar tujuan-nya Dewan ini akan memberi persetujuan kepada Rang Undang2 ini. Saperti saya terangkan tadi Rang Undang2 ini hanya-lah membolehkan Kerajaan Negeri menggunakan-nya jika di-kehendaki, akan dapat berjalan kuat-kuasa-nya melainkan di-gunakan oleh Kerajaan2 Negeri. Akan tetapi Rang Undang2 ini telah pun di-timbangkan oleh Majlis Tanah Kebangsaan dan telah di-persetujuan oleh semua Kerajaan2 Negeri. Oleh itu saya berharap-lah Dewan ini tidak akan mengadakan apa2 bantahan sebab satu satu pindaan itu mustahak mendapat persetujuan dari Dewan ini dahulu dan jika Dewan ini tak memersetujuan pindaan ini tidak-lah berfaedah kita mengadakan pindaan itu.

Oleh itu saya berharap-lah Rang Undang2 ini mendapat persetujuan Dewan ini.
